



UMAIR mengambil penumpang perkhidmatan Free Ride di Universiti Putra Malaysia, Serdang.



PENUMPANG yang menggunakan perkhidmatan Free Ride kini mencecah 300 orang.

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Serdang

Dari siswa kepada siswa. Kerana simpati dengan nasib rakan yang tidak punya kenderaan untuk pulang ke kampung mendorong penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) tampil dengan inisiatif memberikan perkhidmatan pengangkutan berkereta secara percuma sejak lebih setahun lalu.

Dikenali dengan nama *Free Ride*, sehingga kini lebih 300 penuntut di universiti berkenaan mendapat manfaat daripada program itu yang disasarkan untuk membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan.

Pengarah Program Wan Muhammad Afiq Wan

METRO AHAD

Muhamad Fauzan, 24, berkata, setiap semester, Persatuan Belia Harmoni (HARMONI) Serdang sebagai penganjur akan memilih satu tarikh untuk menyediakan pengangkutan percuma kepada penuntut untuk menggunakan perkhidmatan dari kolej kediaman di kampus utama ke stesen komuter Serdang.

Katanya, hebahkan mengenai perkhidmatan itu akan dibuat menerusi media sosial dan dia bersama beberapa orang sekretariat akan mendaftar "pelanggan" terlebih dulu sebelum menetapkan pemandu.

"Daripada tarikh yang kita tetapkan, seminggu sebelumnya kita akan daftar siapa yang akan gunakan khidmat *Free Ride* ini. Kita ada beberapa tempat mengambil penumpang dan tentukan

METRO AHAD

TUMPANG PAHALA

Penuntut UPM beri khidmat pengangkutan percuma kepada rakan sejak setahun lalu

siapa pemandu.

"Dalam pendaftaran itu, kita juga perlukan nombor telefon supaya senang untuk berhubung. Kemudian selepas semuanya selesai, mereka akan dihantar ke stesen komuter tanpa dikenakan apa-apa bayaran," katanya.

Wan Muhammad Afiq yang juga penuntut sarjana Institut Penyelidikan Matematik

(INSPEM) UPM berkata, selain wang sendiri dan kutipan dana melalui penuntut dan kakitangan universiti, pihaknya juga mendapat tajaan dana daripada Pertubuhan IKRAM Malaysia yang digunakan untuk membiayai operasi program berkenaan.

Katanya, sekretariat menggunakan kereta sendiri dan bagi setiap sesi, seramai 10 mahasiswa akan bergilir-gilir mengambil penumpang bermula jam 9 pagi hingga 5 petang pada tarikh yang ditetapkan.

"Kita akan keluarkan poster dan lokasi, kita minta mereka daftar dan nyatakan bilangan bagasi.

"Biasanya dalam masa singkat, permintaan sudah penuh, jadi kita akan membantu setakat mana yang kita boleh. Kalau di luar, mereka akan dikenakan caj RM10 untuk seorang, jadi dengan adanya *Free Ride*, mereka dapat berjimat.

"Buat masa ini, kami hanya buat setiap hujung semester ketika penuntut pulang ke kampung. Insha-Allah, jika ada peluang, kami mahu kembangkan lagi

dan sediakan perkhidmatan ini dengan lebih kerap supaya lebih ramai dapat dibantu.

"Setakat ini, sambutan diterima amat menggalakkan dan pemsyarah juga memberikan sokongan untuk kami teruskan. Selain belajar, kami juga dapat memupuk semangat kesukarelawanan kepada sekretariat dan Alhamdulillah, semuanya berjalan lancar," katanya.

Sementara itu, Pengerusi HARMONI Cawangan UPM Umair Zamil, 25, berkata, sebagai penuntut yang turut merasai bebanan sama seperti mahasiswa lain, ia mendorong dia dan rakan-rakan untuk tampil dengan usaha sebegitu.

Katanya, selain *Free Ride*, HARMONI juga ada program kebajikan lain seperti edaran makanan percuma dan ia bersesuaian dengan gagasannya iaitu kampus selamat dan berkeadilan.

"Dari situ kita tampil dengan beberapa inisiatif untuk membantu mahasiswa. Setakat ini semuanya untuk mahasiswa di UPM dan kita akan teruskan pada masa akan datang.

"Kita tahu ada rakan-rakan yang tidak mampu, jadi kita berkongsilah apa yang kita ada. Jadi di situ wujud penyumbang, sukarelawan dan penerima manfaat, jadi kita dapat membantu sebagai anggota masyarakat," katanya.

"Kami hanya buat setiap hujung semester ketika penuntut pulang ke kampung. Insha-Allah, jika ada peluang, kami mahu kembangkan lagi dan sediakan perkhidmatan ini dengan lebih kerap supaya lebih ramai dapat dibantu"
Wan Muhammad Afiq

'Sangat membantu ketika hujung semester'

Serdang: "Sebagai antara orang yang mula-mula menggunakan *Free Ride*, sudah tentu ia sangat membantu, apatah lagi ketika hujung semester, ramai yang sudah mula 'sengkek'.

"Saya dapat maklumat daripada kumpulan WhatsApp, terus hubungi penganjur dan mereka hantar saya ke stesen komuter tanpa apa-apa bayaran, memang rasa lega," kata Amir Hakimi Amir Hamzah, 24.

Dia antara penumpang terawal menggunakan perkhidmatan *Free Ride* turut bersyukur kerana ia disediakan ketika keadaan memerlukan dan mahasiswa sudah mula bercuti dan pulang ke kampung.

Katanya, pada mulanya dia agak gusar memandangkan sebelum ini pernah menaiki pengangkutan awam yang mengenakan caj, namun lega selepas dimaklumkan ia percuma.

"Maklumlah waktu itu sudah hujung

semester dan saya hanya fikir untuk balik ke kampung. Wang yang ada cukup-cukup untuk tambang balik ke Batu Gajah, Perak.

"Bila dimaklumkan ada *Free Ride*, saya pun cubalah. Selepas ini pun, jika ada peluang, saya akan gunakan lagi servis ini. Sekurang-kurangnya dapatlah berjimat, lagipun ia memang percuma," katanya yang juga penuntut Sarjana Muda Sains Komputer UPM.

Seorang lagi penuntut Siti Syahirah Bahari, 22, berkata, usaha dilakukan HARMONI itu menunjukkan mahasiswa juga prihatin dengan nasib rakan mereka yang tidak berkemampuan.

Katanya, tidak semua mahasiswa datang dari keluarga berada dan duit yang dapat dijimatkan itu boleh digunakan untuk perkara lain seperti menyiapkan tugas dan membeli barangan keperluan.

"Saya terutang budi dengan inisiatif seperti ini kerana ia memang membantu saya dan rakan-rakan lain," katanya.



ANTARA kenderaan yang digunakan dalam perkhidmatan Free Ride.

